Harian Metro

HARI : RABU
TARIKH : 3/7/2019
M/SURAT : 24A

TANGKAS KATA PEDAS BICARA

Hairulazim Mahmud dan Yusmizal Dolah Aling
am@hmetro.com.my

Hab tiruan?

■ *Ahli Parlimen timbul isu lambakan barang palsu sehingga jejas imej negara*

Pasar malam jadi tumpuan dunia. Kenyataan itu kedengaran pada Perbahasan Rang Undang-Undang Cap Dagangan di Dewan Rakyat, semalam.

Ia timbul apabila Ahli Parlimen Arau Datuk Seri Dr Shahidan Kassim mencelah perbahasan Ahli Parlimen Pontian Datuk Seri Ahmad Maslan yang menyentuh mengenai beberapa kawasan di negara ini yang terkenal dengan barangan tiruan.

Turut mencelah ialah Datuk Seri Bung Moktar Radin (BN-Kinabatangan) dan Ahmad Amzad Mohamad (PAS-Kuala Terengganu) yang memberikan pendapat mereka berhubung isu itu.

Dr Shahidan (BN-Arau): Minta penjelasan Pontian.

Ahmad (BN-Pontian): Ya, harumanis.

Dr Shahidan: Dua minit, seminit. Yang Berhormat, sekarang saya timbul sifat kemarahan yang luar biasa kepada diri saya bila Kinabatangan dan Yang Berhormat menceritakan barang tiruan di beberapa tempat. Yang Berhormat, ini Parlimen, tempat kita berbincang. Ceritakan mana tempat yang ada barang tiruan. Lain kali saya tak payah pergi, mungkin saya pun tertipu juga, katakan orang kampung pergi tempat ni tempat yang ada jenama, tengok-tengok tiruan. Di Malaysia ni kita tau ni jalan tiruan, kalau ada orang asing, lagi banyak barang tiruan, ni barang Afrika, kita ada cop, ni tiruan daripada Bangladesh, China, Indonesia. Jadi saya nak bagitau Yang Berhormat di mana tempat pelambakan barang tiruan. Kalau tidak kita cakap di awang-awangan, orang tak tahu. Saya percaya dalam YouTube. Ini akan dipamerkan yang saya minta namakan tempat yang dikatakan ada barangan tiruan.

Ahmad: Ya, terima kasih Yang Berhormat Arau. Saya baru dibisik oleh Kinabatangan, beliau menyebut Petaling Street, Chow Kit, pasar malam di seluruh negara. Saya harap perkara itu diambil tindakan oleh penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP).

Dr Shahidan: Penjelasan sekali lagi. Sikit sahaja. Yang Berhormat, kelmarin saya ada sebut bahawa menteri silap cakap, saham jatuh. Jadi Yang Berhormat, berhati-hati bercakap hari ini sebab dia menyebabkan pasaran jatuh di tempat ini dan orang takut pergi pasar malam. Yang Berhormat cerita yang sebenarnya, ini tempatnya atau ini cuma sikit sahaja. Sebab kalau tidak, saya sebagai peminat pasar malam nombor satu akan tidak pergi, kawan-kawan saya pun tak pergi. Jadi Yang Berhormat bagitau, tempat utama ini apakah pasar malam, saya rasa bukan pasar malam, pasar malam barang gitu-gitu saja, tapi menjadi tumpuan dunia, bukan saja Malaysia, tapi dunia datang beli barang di situ.

Ahmad Amzad: Pontian, saya setuju dengan Arau.

Ahmad: Saya nak bercerita banyak lagi, *global brand database* (pangkalan data jenama global).

Ahmad Amzad: Setengahnya bukan melibatkan orang tempatan, warga asing. Saya berjalan dekat Bukit Bintang ni, dia warga asing yang menjual barang tiruan dan jumlahnya banyak dan saya tak tahu bagaimana pandangan pelancong yang datang ke pusat tumpuan. Jadi Malaysia seolah-olah hab barangan tiruan.

Ahmad: Betullah tu, jadi saya minta Timbalan Menteri Wilayah Persekutuan pun ada ni, buat bersama Timbalan Menteri KPDNHEP, buat rondaan khususnya jenama cap ayam ini.

Bung Mokhtar: Cap ayam.

Dr Shahidan: Menteri, malam ni kita pi Petaling Street (Jalan Petaling).